

D.R. 8/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

h e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1993) 1993.

Tajuk ringkas.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus sembilan puluh enam juta tiga ratus sembilan puluh tiga ribu tiga ratus ringgit (RM296,393,300) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1993, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1993 dan Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1993.

Akta A839
Akta A850

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B.6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	422,000
B.7	Jabatan Perdana Menteri	192,500,000
B.14	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	14,286,600
B.17	Kementerian Belia dan Sukan	6,118,900
B.26	Kementerian Pendidikan	20,403,700
B.28	Perbendaharaan	39,495,000
B.38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	672,800
B.47	Kementerian Pengangkutan	22,494,300
JUMLAH . . .		<u>296,393,300</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1993 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1993 dan Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1767.]